



KPM telah menyediakan murid-murid mengikut laluan pendidikan yang bersesuaian dengan bakat, minat dan gaya pembelajaran masing-masing. - Gambar hiasan



TUNTUTAN terhadap perubahan dalam sistem pendidikan Malaysia bakal turut menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang yang memerlukan kemahiran tinggi seperti sub-sea welding. - Gambar hiasan

Enam Aspirasi Murid transformasi sistem pendidikan negara

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD

KEMENTERIAN Pendidikan Malaysia (KPM) cukup komited untuk mengubah paradigma masyarakat Malaysia daripada terlalu fokus terhadap peperiksaan kepada sistem bersepadu yang dapat membangunkan modal insan secara holistik pada masa akan datang.

Usaha berkenaan selaras dengan Enam Aspirasi Murid yang diterapkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan melibatkan segenap lapisan masyarakat.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan, setiap pihak terlibat perlu memikirkan kemahiran dan nilai yang harus dimiliki oleh setiap murid di negara ini selaras dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat.

"Murid kita bakal mengharungi cabaran masa hadapan yang sukar untuk dibayangkan, perubahan landskap pendidikan tinggi dan ekonomi juga menuntut anak-anak kita supaya seimbang dari segi akhlak dan ilmunya.

"Justeru, Enam Aspirasi Murid perlu diterapkan kepada murid kita iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian serta identiti nasional," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Putrajaya Jumaat lalu.

Enam ciri berkenaan dikenal pasti sebagai atribut penting untuk berjaya dalam abad ke-21 dan pembelajaran sepanjang hayat, sekali gus berpotensi membawa perubahan dalam sistem pendidikan di negara ini.

Menurut Kamalanathan, penerapan aspirasi berkenaan turut

menyumbang kepada pembangunan set pengetahuan dan kemahiran yang telah dikenal pasti sebagai 21st Century Skills di peringkat global.

"Era pembelajaran secara hafalan telah berlalu kerana ilmu pengetahuan berada di hujung jari, jadi apa yang diperlukan oleh anak-anak kita adalah bagaimana untuk menggunakan ilmu tersebut untuk pembangunan sahsiah mereka.

"Pada abad ini, kemahiran yang perlu ada untuk anak-anak kita berjaya adalah keupayaan mereka untuk bekerja secara berpasukan dan kolaboratif, kreatif dan imaginatif, berfikir kritis dan mampu untuk menyelesaikan masalah," jelasnya.

Kamalanathan berkata, KPM telah membangunkan sistem pendidikan yang luas bagi menyediakan murid-murid mengikut laluan pendidikan yang bersesuaian dengan bakat, minat dan gaya pembelajaran masing-masing.

"Kita jangka sistem pendidikan Malaysia akan berubah daripada pembelajaran sekolah kepada suatu sistem pembelajaran yang mengupayakan penglibatan ibu bapa dan komuniti supaya murid berpotensi menikmati persekitaran pembelajaran yang sesuai dan berkesan.


"Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), lebih daripada 1 juta pekerjaan memerlukan kemahiran dan kita telah menerangkan perkara ini dengan jelas dalam Bab 3 PPPM," katanya.

Kamalanathan memberitahu, tuntutan itu menunjukkan bahawa negara memerlukan lebih ramai tenaga mahir untuk memenuhi keperluan industri dan mengurangkan ketergantungan kepada tenaga pekerja asing.



KAMALANATHAN

Laluan Pendidikan di Malaysia



Selain itu, beliau berkata, tuntutan itu turut menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang yang memerlukan kemahiran tinggi seperti sub-sea welding, industri minyak, penyelenggaraan pesawat atau industri kreatif seperti animasi dan fesyen kerana ia merupakan industri bernilai berbilion ringgit.

"Bekerja tidak bermakna peluang menyambung pekerjaan terhenti kerana kerajaan sentiasa menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat yang boleh diperoleh pada bila-bila masa secara bersemuka ataupun atas talian.

"Mereka yang berkemahiran dalam bidang masing-masing berpeluang untuk mendapat ijazah, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran (PhD) melalui Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," katanya.

Dalam pada itu, KPM sentiasa mengingatkan warga pendidik bahawa peranan mereka sudah berubah daripada menyampaikan ilmu kepada pemudah cara proses pembelajaran dengan penglibatan aktif murid secara berkumpulan.

Menurut Kamalanathan, setiap guru harus menggalakkan

murid-murid untuk berusaha mencari maklumat di luar bilik darjah melalui pelbagai sumber dan medium.

Selain itu, beliau berkata, setiap guru harus bersifat terbuka dalam bekerjasama dengan ibu bapa kerana menyedari keberhasilan murid yang memerlukan kerjasama kolektif.

"Kita tidak lagi boleh melihat murid kita dan berkata akan menyediakan mereka dengan ilmu untuk menghadapi peperiksaan tetapi kita perlu melihat apa yang akan terjadi kepada mereka dalam masa lima atau 10 tahun akan datang," katanya.